

Assalamualaikum W.B.T & Salam Sejahtera,

Tuan/ Puan,

HEBAHAN PEMAKLUMAN BAGI PERMOHONAN UNTUK MENDUDUKI PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN AWAM (PPA) BAGI PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN SIRI 2 TAHUN 2020 TELAH DIBUKA MULAI 8 JUN 2020 (ISNIN)

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Permohonan Untuk Menduduki Peperiksaan Perkhidmatan Awam (PPA) bagi **Pengesahan Dalam Perkhidmatan Siri 2 Tahun 2020** telah dibuka permohonan tersebut di laman Web Kompetensi JPA mulai **8 Jun 2020 (Isnin)**.

3. Sehubungan itu, pihak tuan/ puan dimohon untuk mear-warkan hebahan ini kepada calon-calon yang berkaitan. Sukacita diingatkan bahawa **tarikh tutup permohonan** tersebut adalah pada **6 Julai 2020 (Isnin)**.

4. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan lanjut mengenai permohonan menduduki PPA, pihak tuan/ puan boleh menghubungi:

**Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Bahagian Perkhidmatan
Sektor Penilaian Kompetensi
Aras 7, Blok 1
Menara Seri Wilayah, Presint 2
62100 W. P. Putrajaya**

**Tel : 03 – 8000 8000
E-mel : peperiksaan@jpa.gov.my**

5. Untuk makluman pihak tuan/ puan juga, tarikh dan masa peperiksaan adalah kekal seperti di dalam jadual yang telah dimuatnaik di laman sesawang <http://www.kompetensi.jpa.gov.my>. **Sebarang perubahan tarikh peperiksaan akan dimaklumkan dari semasa ke semasa berdasarkan saranan oleh pihak Kerajaan dalam usaha menangani wabak COVID-19 ini.**

6. Segala kerjasama daripada pihak tuan/ puan dalam hal ini amatlah dihargai dan diucapkan terima kasih.

**Urusetia Peperiksaan Perkhidmatan Awam
Sektor Penilaian Kompetensi
Bahagian Perkhidmatan
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia**

8 Jun 2020